

**Pusat Perhubungan Pelanggan**

**Tel** Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan

**Talian Utama** +603 2268 3333

**Emel** customer@amassurance.com.my

**LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans IsiRumah**

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pemberitahuan ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans IsiRumah. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini melindungi kandungan isi rumah dan barang peribadi anda terhadap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah, letusan, banjir, atau oleh mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

**2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?**

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh peril berikut.

- Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan letusan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik;
- Pesawat atau peranti udara atau benda yang gugur daripadanya, hentaman kenderaan darat atau haiwan bukan kepunyaan pihak diinsuranskan, kecemasan atau limpahan tangki air atau paip air, kecurian, hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, letusan gunung berapi dan banjir;
- Kerugian sewa; dan
- Liabiliti kepada Orang Awam sehingga RM50,000
- Harta yang dipindahkan sementara – 15% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan ke atas isi kandungan rumah.
- Kerosakan kepada cermin kaca – RM500 sekeping setiap kemalangan
- Pampasan untuk kematian yang terjadi akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran.
- Harta orang gaji

Anda boleh meluaskan perlindungan kepada risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Mendapan dan gelinciran tanah;
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat;
- Liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan yang berlaku di rumah anda (melebihi RM50,000);
- Tiada berpenghuni melebihi tempoh 90 hari; dan
- Kecurian Penuh.
  - a) Tidak termasuk kecurian yang dilakukan oleh pembantu rumah atau mana-mana ahli keluarga Pihak yang Diinsuranskan (lebih RM250.00 atau 1% daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isi rumah yang mana lebih rendah)
  - b) Termasuk kecurian yang dilakukan oleh pembantu rumah (lebih RM250.00 atau 1% daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isi rumah yang mana lebih rendah)

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderitan syarikat insurans:

- Perlindungan standard bagi rumah berkembar yang dibina daripada dinding bata dan beratap genting (kelas 1A) adalah RM199.00 (premium) bagi jumlah diinsuranskan sebanyak RM50,000.
- Perlindungan tambahan: Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat (0.01%) daripada RM50,000 – RM5.00
- Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah RM214.00 (RM204.00 + RM10 duti setem).

Note: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 0% GST dari 1 Jun 2018.

**4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	0% daripada premium dari 1 Jun 2018.
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

Tertakluk kepada penguatkuasaan dan kebolehgunaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), cukai GST akan dikenakan ke atas bahagian premium yang perlu di bayar dan/atau tertunggak pada waktu yang dikenakan.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

Kepentingan membuat Pendedahan

- (i) MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Purata – jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual, maka anda hendaklah bertanggung jawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadarannya setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.
- (iii) Insurans lain – jika terdapat sebarang polisi lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, kami hanya akan membayar perkadarannya setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

- (iv) Nilai pasaran – kami akan mengganti rugi anda nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran bagi harta yang diinsuranskan mana yang lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang lebihan. Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan / atau susutnilai.
- (v) Lebihan bermakna amaan yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk perl tertiap seperti tuntutan terhadap tangki air domestik melimpah, ribut angin, gempa bumi dan banjir.
- (vi) Asas nilai pengembalian semula – kami akan membayar kos pembaikan/pembalikpulihan harta yang rosak tanpa sebarang potongan dibuat ke atas susut nilai dan/atau haus dan lusuh tetapi tertakluk kepada lebihan dan/atau pembaikan. Syarat purata akan diguna pakai sekiranya nilai diinsuranskan kurang daripada nilai pasaran.
- (vii) Waranti premium – insurans premium mestilah dibayar dan diterima oleh AmGeneral/ejen yang sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka polisi ini secara automatik adalah terbatas dan Syarikat adalah berhak kepada premium pro-rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.
- (viii) Waranti Larangan Barang Niaga – bangunan yang diinsuranskan tidak boleh digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa polisi berkuat kuasa.
- (ix) Anda mestilah mengisyiharkan kepada AmGeneral bagi mendapatkan kelulusan sekiranya barang yang ingin diinsuranskan melebihi 5% daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas isirumah. Had bagi barang kemas adalah 1/3 daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isirumah.

#### **6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan;
- Kerugian atau kerosakan disebabkan mendapan dan gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat dan kecurian yang tidak disertai dengan kekerasan yang nyata dan keganasan pecah masuk dan keluar dari bangunan;
- Perlindungan bagi kecederaan membawa maut kepada Pihak Diinsuranskan; dan
- Peperangan, keganasan, perang saudara dan pencemaran radioaktif.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.*

#### **7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek yang mana lebih tinggi untuk tempoh ganti rugi belum tamat, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

#### **Kadar Jangka Pendek**

Tempoh tidak melebihi	Peratusan (%) bayaran balik
15 hari	90
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
12 bulan	0

#### **8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada waktunya.

#### **9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

##### **AmGeneral Insurance Berhad**

Tingkat 13, Menara Shell,  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur,  
Malaysia

Talian Bebas : 1-300-80-3030  
E-mel : customer@amassurance.com.my  
Laman Web : www.amassurance.com.my

#### **10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada.**

Insurans "Household Guard".

#### **NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01 Jun 2018.